16(2) (b) Akta Lembaga Tabung Haji 1995
Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Pindaan)
Akta 535, Akta TH 1995 Perkara 20 (1) dan (2)

# Bab

# Pendahuluan

# BAB PENDAHALUAN

1. Pengenalan

2. Pemilihan Tajuk dan Latarbelakang masalah kajian

3. Kepentingan Kajian

4. Skop Kajian

5. Tujuan dan Objektif Kajian

6. Metodologi Kajian

    6.1 Metod Penentuan Subjek
    6.2 Metod Pengumpulan Data
        6.2.1 Penyelidikan Perpustakaan
        6.2.2 Penyelidikan Lapangan
            6.2.2.1 Metod Historis
            6.2.2.2 Metod Wawancara dan Temubual
            6.2.2.3 Metod Dokumentasi
    6.3 Metod Analisa Data
        6.3.1 Metod Induktif
        6.3.2 Metod Deduktif
        6.3.3 Metod Komparatif
        6.3.4 Metod Penjadualan dan Graf

7. Tinjauan Kajian Terdahulu

8. Permasalahan Semasa Kajian

1. Pengenalan

Allah Taala berpesan melalui firmannya:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*(Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

Al-Jum'uah: 10

Mencari kekayaan dan kurniaan Allah Taala merupakan salah satu daripada galakan yang diingatkan oleh Allah melalui ayat di atas. Islam merupakan agama yang mencakupi kesemua aspek kehidupan manusia, tidak pernah menghalang mana-mana umatnya untuk menikmati segala anugerah yang ada. Namun demikian, kesenangan yang menjadi satu ujian ini patut senantiasa diperhatikan bagi memastikannya tidak lari dari landasan syariat Allah.

Oleh yang demikian, pelaburan yang menjadi pilihan penulis untuk dibuat kajian yang mendalam dan terperinci merupakan satu daripada aktiviti ekonomi yang marak dan hangat pada hari ini. Rata-rata, hampir majoriti penduduk di Malaysia terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam aktiviti ini. Justeru, penulisan mengenai konsep pelaburan dalam Islam yang sebenar perlu dihayati supaya manusia yang bergelar Muslim tidak terpedaya dan mengawal tindakan mereka supaya tidak terperosok ke dalam aktiviti pelaburan yang diharamkan oleh Allah.

Lembaga Tabung Haji (LTH) sebagai satu institusi contoh telah dipilih oleh penulis untuk memastikan penulisan ini mempunyai rujukan yang bersifat realistik. Ini kerana, dalam setiap jenis pelaburan yang dilaksanakan oleh Tabung Haji, penulis akan melihat dari segenap sudut supaya pelaburan yang telah sedia ada dan akan dilakukan berlandaskan syarat-syarat dan ketetapan yang telah digariskan.

Perladangan pula merupakan satu daripada sektor yang telah dipilih oleh Tabung Haji untuk melabur sacara serius di dalamnya. Pelaburan yang dianggap berisiko besar ini memberi peluang kepada Tabung Haji untuk menguji tahap kekuatan ilmu dan amali yang ada disamping penggemblengan tenaga semua pihak bagi memastikan pelaburan yang dibuat berlandaskan syariat yang ada dan mendapat keuntungan yang menjadi impian ramai.

2. Pemilihan Tajuk dan Latarbelakang masalah kajian

Perbahasan mengenai pelaburan merupakan antara isu hangat yang sering diperkatakan dalam era millennium dan globalisasi ini. Pergantungan masyarakat yang banyak tertumpu kepada aktiviti ini telah mengalih tumpuan dunia supaya lebih mengutamakan dan mengambil berat mengenai perkembangan sektor pelaburan antarabangsa secara umumnya mahupun di dalam negara kita sendiri secara khusus.

Kepentingan sektor pelaburan terhadap industri kewangan negara telah tertonjol dengan jelasnya semasa negara menghadapi krisis kewangan yang boleh

dianggap agak berat bermula pada awal tahun 1998. Kesan daripada krisis ini, maka institusi pelaburan juga turut mendapat tempias dan kesan yang ketara dan drastik lantas membuka mata pihak masyarakat supaya melihat dan mengkaji semula aktiviti yang dianggap dapat memberikan keuntungan secara cepat ini.

Sejajar dengan kelembapan ekonomi yang berlaku, pihak LTH yang dianggap sebagai satu institusi kewangan Islam yang berjaya juga turut mendapat kesan negatif hasil dari kejatuhan pasaran pelaburan khususnya pasaran saham dunia. Maka, bertitik-tolak dari perkara ini, penulis telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian yang terperinci bagi mengenalpasti aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh pihak LTH terutamanya dalam sektor perladangan. Kesedaran ini juga berikutan keluarnya kenyataan-kenyataan di dalam akhbar-akhbar utama yang menyeru pihak-pihak tertentu supaya memantau aktiviti pelaburan di LTH. Antaranya ialah pendapat dan saranan yang dikeluarkan oleh bekas Pengerusi dan Pengarah Besar Tabung Haji, Tan Sri Hanafiah Ahmad:

> *"Agensi itu memerlukan satu badan, undang-undang atau peraturan bagi memastikannya melabur secara berhemat, berdaya maju dan menguntungkan."*[4]

Tambahan lagi, laporan dalam akhbar yang sama turut menyentuh tentang bayaran bonus 5.5 % kepada para pendeposit pada tahun 2000 dimana menyebut:

> *"Masalah Tabung Haji didedahkan Berita Harian awal tahun ini, selepas agensi ini hanya mampu memberi bonus 5.5 % pada tahun 2000 iaitu yang terendah dalam tenpoh lapan tahun, dengan alasan pelaburan kelapa sawitnya mengalami kejatuhan harga teruk. Pada masa itu, Tabung Haji sepatutnya sudah menyedari silap mereka dan*

*mengambil tindakan pembetulan segera bagi mengelak masalah dalam pertubuhan itu bertanbah parah'*[2]

Oleh itu, sebagai salah seorang pendeposit tetap di Tabung Haji, penulis berasa amat terpanggil untuk melihat perkembangan LTH secara lebih dekat dan telus. Dengan itu, penulis bukan sahaja dapat menambahkan keyakinan terhadap simpanan yang dibuat melalui institusi ini, malah secara tidak langsung akan dapat menangkis segala tohmahan dan fitnah yang ditaburkan ke atas LTH.

Oleh yang demikian, berlandaskan kepada permasalahan dan persoalan yang ada pada hari ini, di dalam kajian disertasi ini, penulis akan mengkaji secara umum dan juga mendalam mengenai perlaksanaan aktiviti pelaburan di LTH dan tumpuan khusus diberikan kepada aktiviti pelaburan dalam sektor perladangan. Oleh kerana sektor ini juga mendapat kritikan yang agak luas dan tajam daripada masyarakat negara ini, maka penulis akan cuba membuat satu analisa mengenai aktviti ini berlandaskan pandangan Islam dan sarjanawan ekonomi masa kini.

3. Kepentingan Kajian

Pelaburan merupakan antara aktiviti ekonomi yang amat digemari oleh penduduk dunia pada hari ini. Keuntungan yang berlipat-ganda, mudah dan sesetengah pelaburan boleh diperolehi keuntungannya denga cepat telah membuka mata pelbagai pihak untuk melibatkan diri secara serius di dalam bidang yang penuh dengan risiko ini. Bertitik-tolak dari fenomena ini, penulis mendapati

adalah amat penting untuk meneliti semula aktiviti pelaburan pada hari ini yang menjadi agenda penting dalam sektor ekonomi negara supaya ia berteraskan sistem ekonomi Islam sebagaimana yang telah digariskan oleh syariah.

Oleh kerana pelaburan merupakan antara aktiviti pengembangan modal yang sihat dan mampu memberikan pulangan yang menguntungkan, maka dalam kajian ini penulis akan memberikan tumpuan kepada satu institusi kewangan Islam iaitu LTH bagi menganalisa pelaburan yang dilakukan terutama dalam bidang perladangan yang menjadi isu ekonomi utama baru-baru ini.

Kajian ini juga penting dalam menganalisa semula kedudukan pelaburan itu sendiri di kalangan fuqaha' silam mahupun kontemporari . Ia juga bertujuan untuk melihat sejauhmana LTH boleh diletakkan sebagai model institusi pelaburan Islam yang berjaya dan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak LTH mengkaji semula skop-skop dan lingkaran-lingkaran pelaburan yang ada dalam sektor perladangan.

4. Skop Kajian

Kajian Disertasi ini akan berasaskan kepada operasi pelaburan Islam yang dilaksanakan di LTH, di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Kajian ini juga akan meliputi aspek perbandingan hukum pelaburan, aspek sejarah LTH dan operasi LTH dalam aktiviti pelaburan khususnya dalam sektor peladangan.

Oleh yang demikian, kajian ini akan lebih menumpukan hampir 70 % tumpuan di Jabatan Pelaburan, ibu pejabat LTH, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Tumpuan juga akan diberikan kepada 2 anak-anak syarikat Tabung Haji yang terlibat secara langsung dalam sektor perladangan iaitu TH Plantations Sdn. Bhd. dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. yang ditempatkan di Bangunan Tabung Haji Selborn, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Selain daripada itu, kajian ini turut tertumpu kepada tempoh 10 tahun kebangkitan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam bidang yang diceburi iaitu dari tahun 1990 sehingga tahun 2000.

5. Tujuan Dan Objektif Penyelidikan

i. Untuk memenuhi syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Syariah & Ekonomi yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

ii. Sebagai salah satu cara untuk menganalisa dan mengkaji situasi sebenar pelaburan dalam Islam dan perbezaan yang wujud antara fuqaha'.

iii. Untuk mengkaji dan menilai sistem pengurusan pelaburan di LTH khususnya dalam bidang perladangan.

iv. Bagi mengenalpasti arahtuju pelaburan Islam di negara kita khususnya dalam sektor perladangan pada hari ini sebagaimana

yang dijalankan oleh LTH disamping meninjau peluang-peluang yang ada di masa hadapan.

## 6. Metodologi Kajian

Metod ialah sains (ilmu pengetahuan) bagi memperolehi jawapan. Menurut Imam Barnadib, metod penelitian ialah cara penyelidikan penelitian. Manakala metodologi pula ialah sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.[3] Hakikatnya, penyelidikan yang bakal dilaksanakan oleh penulis ialah penyelidikan lapangan *(field research)* dan penyelidikan perpustakaan *(library research)* sebagai medan penyelidikan.

Bagi memastikan kajian yang akan dijalankan ini lebih tersusun, penulis telah memilih tiga metod bagi menjalankan disertasi ini iaitu:

6.1 Metod Penentuan Subjek

6.2 Metod Pengumpulan Data

6.3 Metod Penganalisaan Data

### 6.1 Metod Penentuan Subjek

Penentuan subjek ialah pemilihan kelompok manusia atau benda yang hendak dikaji. Maka dalam metod ini ia memperlihatkan bagaimana cara sesuatu benda atau manusia yang hendak dikaji ditentukan secara khusus.[4]

Oleh yang demikian, bersandarkan kepada metod '*sampling*', satu sampel institusi pelaburan Islam telah dipilih berlandaskan kepada beberapa kriteria penting. Antaranya ialah keselarasan dengan syariah, keberkesanan kepada masyarakat Islam secara umumnya dan keupayaannya menyumbangkan peranan yang penting dalam perjalanan ekonomi negara ini.

Oleh kerana itu, LTH dan anak-anak syarikatnya telah dipilih sebagai sampel kajian yang telah dibuat oleh penulis bedasarkan ciri-ciri yang dimiliki di atas.

### 6.2 Metod Pengumpulan Data

Data merupakan maklumat yang dikumpulkan dan dianalisa dalam sesuatu kajian.[5] Dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan subjek penyelidikan, penulis telah memilih dua kaedah pengumpulan data bagi memudahkan proses ini iaitu diperingkat pertama melalui penyelidikan perpustakaan dan peringkat seterusnya melalui penyelidikan lapangan.

### 6.2.1 Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini digunakan untuk memperolehi data-data dan maklumat-maklumat dari bahan-bahan terbitan utama seperti buku-buku, majalah-majalah, laporan tahunan, jurnal, akhbar dan lain-lain lagi. Oleh itu, antara pusat-pusat pengumpulan data yang terlibat adalah seperti:

i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya
ii. Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya
iii. Perpustakaan IPSP, Universiti Malaya
iv. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
v. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
vi. Perpustakaan Awam, Pusat Islam
vii. Pusat Sumber Tabung Haji, Kuala Lumpur
viii. Pusat Sumber, Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
ix. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
x. Perpustakaan-perpustakaan di IPTA tempatan

### 6.2.2 Penyelidikan Lapangan

Dalam penyelidikan lapangan pula, penulis telah mengumpulkan data-data daripada orang-orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pelaburan ini dan juga mengumpulkan data dari LTH

sendiri. Oleh yang demikian, antara metod yang akan digunakan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

#### 6.2.2.1 Metod Historis

Metod ini amat penting bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang sejarah LTH dan aktiviti pelaburan yang dilakukan. Penulis telah mendapatkan data-data yang diperlukan dari perpustakaan Tabung Haji dan juga perpustakaan universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, data-data yang didapati masih perlu mendapat penerangan daripada pegawai yang terbabit. Oleh itu, penulis telah mendapat kerjasama dari pegawai perpustakaan dan juga pegawai-pegawai lain di LTH untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai data yang berkaitan.

#### 6.2.2.2 Metod Wawancara dan Temubual

Metod ini pula merupakan antara cara yang utama untuk mendapatkan maklumat terkini secara langsung daripada kakitangan yang terlibat dengan pengurusan pelaburan perladangan oleh LTH. Oleh itu, dua metod wawancara telah digunakan iaitu secara formal dan tidak formal. Metod yang dilakukan secara lisan ini amat berguna untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan terperinci tentang sesuatu data.[6]

Kedua-dua metod ini amat penting bagi mengetahui prestasi sebenar pelaburan dalam sektor perladangan yang disertai. Penulis telah mewawancara beberapa orang pegawai di LTH bagi memastikan maklumat yang diperolehi tepat dan meyakinkan. Antara pegawai-pegawai yang dapat ditemuramah adalah seperti berikut:

- **En. Madon Mohd Jani**

  (Pegawai Pelaburan, Jabatan Pelaburan)
- **Tuan Haji Mohd Suhaimi Md. Ali**

  (Pengurus, Perhubungan Korporat)
- **Tuan Haji Sarkawi**

  (Penyelia Pusat Sumber, Tabung Haji)
- **En. Ahmad Nordzri Razali**

  (Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations Sdn. Bhd.)
- **En. Hassni Abu Hassan Bashri**

  (Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.)
- **En. Samsul Bahari Muhammad**

  (Eksekutif Perladangan, TH Plantations Sdn. Bhd.)
- **Puan Norashikin Abdul Rani**

  (Pengurus Kewangan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.)
- **Tuan Haji Ismail Haji Mansor**

  (Penolong Akauntan, Jabatan Kewangan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. )

### 6.2.2.3 Metod Dokumentasi

Metod ini adalah metod yang paling popular dan mudah untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data melalui dokumen-dokumen rasmi, akhbar-akhbar, laporan-laporan tahunan dan lain-lain.[7] Melalui kajian ini, penulis telah mendapat kerjasama daripada pihak LTH untuk mendapatkan kesemua laporan tahunan Tabung Haji dari tahun-tahun 1989 sehingga 1999 (yang terbaru). Disamping itu, fail-fail meja yang telah diberikan kepada penulis oleh pegawai-pegawai yang terbabit juga telah digunakan semaksimum mungkin.

Di samping itu, beberapa fail meja juga dipinjamkan oleh pihak LTH kepada penulis untuk dibuat rujukan secara mendalam. Hakikatnya, metod ini telah digunakan oleh penulis dalam hampir kesemua bab yang telah dibuat.

## 6.3 Metod Analisa Data

Proses seterusnya ialah proses penganalisaan data yang merupakan proses terpenting setelah segala maklumat dikumpulkan. Selain daripada itu, ia juga merupakan rumusan dan hasil dari semua metod-metod di atas dan direalisasikan di atas kertas melalui tiga bentuk utama iaitu secara induktif, deduktif, komparatif dan penjadualan dan graf.

### 6.3.1 Metod Induktif

Metod ini merupakan pengambilan kesimpulan atau pembuktian daripada sesuatu yang bersifat khusus kepada pembuktian yang bersifat umum. Penulis menggunakan metod ini untuk menganalisa tajuk yang kemudiannya dikembangkan melalui kajian yang dilakukan bagi mengungkap persoalan aktiviti pelaburan dalan sektor perladangan yang telah diaplikasikan di LTH.

### 6.3.2 Metod Deduktif

Metod ini merupakan satu cara membuat kesimpulan dari kenyataan-kenyataan yang umum untuk sampai kepada kenyataan yang khusus. Penulis menggunakan metod ini bagi membicarakan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan dalam sektor perladangan di LTH seperti sistem perlaksanaannya, pencapaiannya, dan seterusnya mengupas permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh perbankan Islam ini bagi mencapai matlamat yang digariskan oleh pihak LTH sendiri.

### 6.3.3 Metod Komparatif

Metod ini merupakan proses meneliti hubungan lebih daripada satu fenomena dengan menunjukkan persamaan dan perbezaan yang wujud bagi menghasilkan satu kesimpulan atau keputusan yang lebih tepat dan jitu. Kaedah

ini akan digunakan dalam menganalisa data yang diperolehi sama ada melalui temubual atau sebarang sumber yang lain.

6.3.4 Metod Penjadualan dan Graf

Penggunaan jadual dan graf amat penting dalam usaha untuk menjelaskan sesuatu data secara menyeluruh, jelas, ringkas, mudah difahami dan menarik. Selain daripada itu, cara ini amat penting untuk melihat kenaikan dan penurunan sesuatu data supaya perbandingan dan analisa yang lengkap dapat dibuat.

7. Tinjauan Kajian Terdahulu

Kajian mengenai LTH merupakan antara sampel yang amat digemari oleh para penyelidik. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu yang telah dibuat hanya memberikan tumpuan kepada beberapa aspek sahaja dan meninggalkan beberapa aspek lain. Ini bukanlah satu kelemahan, akan tetapi setiap kajian pasti akan tertumpu kepada metod penyelidikan yang khusus. Tambahan pula kebanyakan kajian perlu menjurus kepada isu-isu tertentu sahaja. Dengan itu, kehendak ini telah menyebabkan penyelidikan-penyelidikan yang telah dilaksanakan sebelum ini dilihat agak kecil skop dan perbahasannya.

Sebagai contoh dalam satu latihan ilmiah yang telah dilaksanakan oleh Saudara Ahmad Yudin bin L.Shafiai (1993) bertajuk "*Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) Dalam Bidang Ekonomi: Kajian khusus dalam sektor perniagaan dan*

*pembinaan*."[8] Kajian ini merupakan satu kajian yang menjurus kepada sektor tertentu dalam pelaburan LTH. Tambahan pula, pelaburan Islam yang dibincangkan dalam kajian ini terlalu umum dan kajian khusus tentang pelaburan secara Islam tidak dilakukan. Penulis hanya menyentuh serba sedikit tentang pelaburan Islam dan pelaburan konvensional. Maka, dalam kajian pada kali ini, penulis telah membuat satu kajian yang agak dalam dan terperinci tentang konsep pelaburan dalam Islam yang menjadi perbahasan ulama' pada hari ini.

Seterusnya ialah Kajian Ilmiah yang dilakukan oleh Saudari Nor Ashikin Ahmad (1998), yang agak mirip dengan kajian ini yang bertajuk *"Perlaksanaan Pelaburan Secara Islam : Tumpuan Kajian di Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur"*[9]. Kajian yang dilakukan ini pula lebih bersifat umum yang melihat pelbagai sudut pelaburan yang diceburi oleh LTH tanpa memberikan pengkhususan yang lebih kepada sektor perladangan. Oleh yang demikian, apabila ciri-ciri umum kedapatan pada sesuatu kajian, banyak perkara yang khusus dan mendalam tidak dapat disentuh oleh seseorang penyelidik.

Kajian Ilmiah selanjutnya dikaji oleh Saudari Haslinda Nuri (1998/99) dari Jabatan Pengajian Asia Tenggara di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kajian yang bertajuk *"Pelaburan Malaysia di Indonesia dalam sektor perladangan kelapa sawit, kajian kes : Lembaga Tabung Haji"*[10] juga agak mirip dengan kajian kali ini. Namun dalam kajian oleh saudari ini beliau tidak memperlihatkan LTH sebagai institusi Islam yang menjalankan aktiviti pelaburan berlandaskan Islam. Beliau lebih mengkaji tentang aspek fizikal dan keluasan ladang dan kawasan-kawasan yang terlibat. Kajian ini jelas mengabaikan kepentingan LTH sebagai satu institusi

kewangan Islam dan tidak menonjolkan LTH dengan sistem pelaburan Islam yang diamalkan di institusi ini.

Kajian seterusnya pula telah dilaksanakan oleh Saudari Nor Aini binti Ali (1999) yang amat mirip dengan penyelidikan pada kali ini. Tajuk yang dikaji oleh beliau iaitu "*Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perladangan di Malaysia dari Tahun 1993 hingga 1997.*"[11] Kajian yang menarik ini walau bagaimanapun telah mengkaji usaha perladangan di LTH bagi tempoh 5 tahun sahaja. Malah, kajian juga hanya tertumpu di Malaysia lantas mengabaikan pelaburan luar negara yang turut banyak menyumbang kepada sektor ini. Oleh yang demikian, bagi memperbaiki kekurangan ini, penulis pada kali ini akan membuat kajian yang lebih panjang tempohnya disamping lebih meluas skop dan kawasan kajiannya.

Seterusnya pula merupakan satu kajian yang terbaru dimana tajuk yang dipilih oleh penulis ini ialah "*Analisa Pelaburan Ekuiti Lembaga Tabung Haji (LTH): 1990-1997*'[12]. Latihan Ilmiah oleh Saudara Ibrahim Mat Isa (2000/2001) ini memperlihatkan satu lagi penumpuan terhadap satu sektor pelaburan yang diceburi oleh pihak LTH. Walaupun tempoh kajian yang dipilih oleh penulis ini merupakan satu tempoh yang agak panjang iaitu dari tahun 1990 sehingga 1997, namun penulis masih beranggapan bahawa kajian ini masih tidak menyeluruh memandangkan hanya sektor ekuiti dipilih oleh penulis ini untuk dibuat kajian dan mengabaikan sektor-sektor pelaburan yang lain.

Oleh yang demikian, penulis merasakan perlunya ada satu kajian yang menonjolkan LTH sebagai institusi utama yang berjaya dan yang utama mampu

membuka mata dunia bahawa Islam merupakan agama syumul yang tidak menghalang umatnya dari melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan. Dengan itu, penulis telah memilih untuk menumpukan kepada satu bidang yang kurang mendapat perhatian penyelidik-penyelidik terdahulu iaitu dalam sektor perladangan. Ini kerana, penyelidikan-penyelidikan terdahulu banyak tertumpu kepada bidang-bidang yng agak konpetatif dan menjadi fokus para pelabur. Selain daripada itu, pelaburan dalam sektor perladangan juga menjadi antara isu utama pada hari ini di mana ia memerlukan satu kajian khusus bagi meneliti semula keberkesanannya kepada para pelabur dan pendeposit.

8. Permasalahan Semasa Kajian

Antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah yang pertama dalam usaha untuk mendapatkan penyelidikan yang berkualiti, penulis memerlukan bahan-bahan primari yang agak kurang di Perpustakaan Universiti Malaya. Oleh itu, penulis terpaksa pergi ke perpustakaan-perpustakaan universiti tempatan yang lain bagi mendapatkan bahan-bahan yang dikehendaki.

Selain daripada permasalahan di atas, pada peringkat awal semasa membuat kajian lapangan, penulis agak sukar untuk mendapatkan kerjasama dan keyakinan daripada pegawai-pegawai yang terbabit di LTH memandangkan isu bonus yang agak kurang pada tahun 2001 masih hangat diperkatakan.

Selain daripada itu, penulis juga menghadapi masalah untuk mendapatkan data bagi tahun 2000 memandangkan buku laporan Lembaga Tabung Haji (LTH)

hanya digezetkan sehingga tahun 1999 sahaja. Oleh itu, langkah alternatif telah dilakukan oleh penulis setelah berbincang dengan penyelia iaitu untuk menumpukan penyelidikan mengenai LTH secara umum dari tahun 1989 sehingga 1999. Manakala, segala aktiviti pelaburan oleh anak-anak syarikat pula akan tertumpu kepada 10 tahun terbaru iaitu dari tahun 1990 hingga 2000. Untuk mendapatkan maklumat terbabit, penulis telah berusaha mengadakan beberapa sesi temubual dengan beberapa orang pegawai dan mendapatkan laporan yang lebih terperinci mengenai anak-anak syarikat untuk dibuat penyelidikan. Tambahan pula, penulis lebih memerlukan laporan yang mendalam berbanding laporan umum bagi memastikan kajian yang dibuat lebih telus, bersifat ilmiah dan intelek disamping memberikan gambaran sebenar situasi pelaburan dalam sektor perladangan di Tabung Haji.

[1] Karim Sulaiman (2001), "Tiada badan pantau pelaburan Tabung Haji" dalam ***Berita Harian***, Khamis, 23 Ogos 2001, h. 1-2

[2] Karim Sulaiman (2001), "Tabung Haji perlu 'diselamatkan' segera" dalam ***Berita Harian***, Rabu, 22 Ogos 2001, h. 23

[3] Imam Bernadib (1932), ***Arti dan Metode Sesuatu Penyelidikan***, Yodjakarta: Yayasan Penyelidkan Fip, h. 52

[4] Kanneth D.Balley (1984), ***Kaedah Penyelidikan Sosial***, (terj.) Hashim Awang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 121

[5] *Ibid.*, h. 765

[6] Koentjaningrat (1986), ***Metode Penyelidikan Masyarakat***, c. 8. Jakarta: P.T. Gramedia, h. 129

[7] Gerald S.Fermen dan Jade Levin (1975), ***Social Sciences Research***, USA: John Wisley & Sons, h. 4

[8] Ahmad Yudin bin L.Shafiai (1993), ***Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) Dalam Bidang Ekonomi: Kajian khusus dalam sektor perniagaan dan pembinaan***, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

[9] Nor Ashikin Ahmad (1998), ***Perlaksanaan Pelaburan Secara Islam : Tumpuan Kajian di Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur***, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

[10] Haslinda Nuri (1998/99), ***Pelaburan Malaysia di Indonesia dalam sektor perladangan kelapa sawit, kajian kes : Lembaga Tabung Haji***, (Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Asia Tenggara di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur)

[11] Nor Aini binti Ali (1999), ***Pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perladangan di Malaysia dari Tahun 1993 hingga 1997***, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)

[12] Ibrahim Mat Isa (2000/2001), ***Analisa Pelaburan Ekuiti Lembaga Tabung Haji (LTH): 1990-1997***, (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur)